

Jangan terpedaya dengan politik kotor: Mahathir

KEMAMAM, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli Umno jangan terpedaya dengan permainan politik kotor segelintir pemimpin parti itu yang hanya mengutamakan kepentingan peribadi.

Perdana Menteri berkata, mereka sebaliknya harus sentiasa berjaga-jaga terhadap tindakan pemimpin-pemimpin itu yang hanya akan merugikan agama, bangsa dan negara.

Katanya, politik sebenarnya tidak kotor, tetapi pemimpin-pemimpin itu sengaja mengotorinya dengan membuat pelbagai tuduhan dan pembongkaran terhadap kerajaan.

"Kalau kita pegang kepada kebenaran secara ikhlas maka politik itu bersih," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kemaman, di Dewan Bandaran Kemaman di sini.

Oleh
NAZAR
ABDUL

Beliau berpendapat orang yang berbuat demikian adalah kerana kepentingan peribadi termasuk keghairahan merebut jawatan dalam parti.

"Kita tidak boleh membenarkan parti kita dipecahbelahkan kerana kepentingan seseorang," katanya.

Nafsu

Menurutnya, ahli-ahli Umno mesti menjaga perpaduan dalam parti dan mengukuhkannya supaya negara akan terus menjadi negara yang stabil.

Beliau berkata, Umno bukannya parti untuk keseronokan, tetapi sebuah parti yang bertanggungjawab terhadap negara.

"Kalau kita lepas tangan dan terperangkap dengan dorongan nafsu

dan lupa kepada tanggungjawab kita, kita berdosa," katanya.

Mengenai ekonomi negara, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kenyataan kerajaan mengenai kenaikan harga barangan utama negara bukan propaganda untuk menyedapkan hati rakyat.

"Ia adalah kenyataan dan memang benar berlaku di pasaran antarabangsa yang boleh dibuktikan dengan angka-angka yang diiktiraf oleh kalangan antarabangsa," katanya.

Beliau mengulangi bahawa kini harga kebanyakan barangan utama negara seperti getah, bijih timah, kelapa sawit dan minyak menunjukkan kenaikan yang melegakan negara.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana ada sesetengah pihak memberikan gambaran yang kurang tepat mengenai kedudukan harga barangan-barangan itu semata-mata kerana kepentingan matlamat

politik mereka.

Katanya, pihak-pihak berkenaan kini mendakwa projek-projek yang besar seperti Jambatan Pulau Pinang sebagai adalah projek mewah, sedangkan ia sebenarnya demi kepentingan rakyat.

"Kerajaan melaksanakan projek-projek itu kerana ketika itu kedudukan kewangan negara mengizinkan, dan ia diperseetujui oleh Kabinet," katanya.

Dakyah

Datuk Seri Dr Mahathir berharap seluruh ahli Umno akan berpegang teguh kepada kebenaran dan menjalankan tugas parti dengan penuh tanggungjawab demi masa depan agama, bangsa dan negara.

"Janganlah terpedaya dengan dakyah pihak-pihak itu hingga boleh menjejaskan kedudukan parti dan juga negara," tambahnya.

Beliau juga menegaskan, kejayaan cemerlang Umno dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum yang lalu adalah disebabkan wujudnya perpaduan dalam Umno.

"Kalau Umno berpecah dua, maka parti dan juga kerajaan akan menjadi lemah dan rakyat khususnya orang Melayu dan agama Islam akan rugi," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap ahli-ahli Umno akan terus mengutamakan kepentingan agama, bangsa dan negara daripada kepentingan diri sendiri atau pemimpin tertentu demi menjamin kestabilan dan kesejahteraan rakyat pada masa akan datang.

Beliau juga mengingatkan ahli-ahli Umno supaya mengamalkan adat dan tradisi orang-orang Melayu dengan menghormati orang lain termasuk mereka yang lebih tua demi menjamin perpaduan dan ketenteraman di kalangan mereka dan dalam parti.